

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

HIA 101 Pengantar Islam

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI ENAM [6] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Setiap Bahagian mestilah diikat berasingan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. Mohd. Sulaiman Haji Yasin dan Prof. Thohir masing-masing mempunyai pandangan tersendiri mengenai Pengertian Agama. Bincangkan pandangan mereka dari sudut berikut:
 - [a] persamaan dan perbezaan.
 - [b] unsur dan bidang yang ditekankan.
 - [c] komen dan pandangan anda tentang kekuatan dan kelemahan pandangan masing-masing dari sudut mencapai matlamat keberkesanan ajaran agama pada umat manusia masa kini.
2. Jawab soalan-soalan di bawah:
 - [a] Apakah yang dimaksudkan dengan Syar'un man qablina?
 - [b] Beri contoh syari'at terdahulu yang diulang-sebut di dalam syari'at Nabi Muhammad s.a.w. dan nyatakan prinsip-prinsip asas yang sama yang terdapat di dalam syari'at-syari'at tersebut.
 - [c] Huraikan hubungan Syari'at sebelum Nabi Muhammad s.a.w. dengan Syari'at Nabi Muhammad s.a.w.

3. Jawab soalan-soalan di bawah:

- [a] Berdasarkan kepada fakta al-Quran (al-Hujurat: 10) dan maksud al-Hadis yang meminta seseorang mengasihi diri orang lain sepetimana ia mengasihi dirinya sendiri, bincangkan faedah dan pengajaran faktafakta tersebut ke arah pembentukan masyarakat harmoni.
- [b] Buku ISLAM dalam Kehidupan Umatnya menghuraikan tajuk Pengaruh Agama Kepada Persatuan dan Kesatuan.
 - [i] Beri takrif persatuan dan kesatuan menurut pandangan Islam.
 - [ii] Huraikan pengaruh agama terhadap persatuan dan kesatuan umat Muslimin dalam konteks memperlihatkan ketinggian ajaran Islam yang berhubungan dengan perpaduan ummah.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

- 4. Aqidah Islam merupakan asas pegangan kehidupan setiap umat Islam.
Berdasarkan kenyataan di atas, bincangkan secara kritis dan terperinci perkara-perkara berikut:
 - [a] Sifat duapuluh sebagai penentu sah atau batalnya iman seseorang.
 - [b] Menaruh kenyakinan kepada ramalan bintang.
- 5. Kesesuaian Syari'ah Islamiyyah jelas terbukti untuk dihayati di sepanjang zaman.
Berdasarkan kenyataan di atas, bincangkan perkara-perkara berikut:
 - [a] Berkahwin lebih daripada seorang isteri.
 - [b] Hukuman denda terhadap kes pasangan yang telah berzina.Kemukakan hujah anda dengan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

6. Firman Allah ayat 36 Surat al-Nisa' yang bermaksud:

"Hendaklah kamu beribadah kepada Allah dan janganlah mempersekutukannya dengan sesuatupun, dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa, keluarga terdekat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang ada hubungan kekeluargaan, jiran yang terdekat (yang tiada hubungan kekeluargaan), teman yang terdekat, orang-orang musafir dan hamba milik kamu, sesungguhnya Allah itu tidak sukaan mereka yang sompong dan membanggabanggakan diri."

Berdasarkan ayat di atas,

- [a] Jelaskan keutamaan hak-hak kejiranan dalam Islam.
- [b] Huraikan perkaitan di antara 'aqidah tawhid dengan adab berjiran.